

**TAJUlk KAJIAN
IMPAK PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU
(IADP) SAMARAHAN KEATAS PENDUDUK DAN SEKITAR KOTA
SAMARAHAN**

**DISEDIAKAN OLEH:
CATHERINE AGAM (98065656)
JELIA JEMAT (98065695)
JOVINVE SIDIK (97041773)
FRANKY MESA (98065670)**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN**

PERPUSTAKAAN UITM SARAWAK

PROJEK PELAJAR

APRIL 2001

KANDUNGAN

Bab	1	Pengenalan Kajian	
	1.1	Pengenalan	1
	1.2	Latar Belakang Kajian	4
	1.3	Kepentingan Kajian	4
	1.4	Pernyataan Masalah	5
	1.5	Skop Kajian	6
	1.6	Matlamat Kajian	7
	1.7	Hipotesis	8
	1.8	Halangan Kepada Kajian	9
Bab	2	Kajian Literature	
	2.1	Pengenalan	11
	2.2	Definisi Konsep IADP	11
	2.3	Kajian Literature	12
	2.4	Kajian Dalam Negeri: Projek Pembangunan In-Situ Malaysia	15
	2.5	Kajian Laur Negeri : Ngara- nengara Luar	16
Bab	3	Latar Belakang Kajian	
	3.1	Pengenalan	18
	3.2	Sejarah Kampung Penyataan Umum	18
	3.3	Sejarah Kota Samarahan	20
	3.4	Pusat IADP	22
	3.5	Jabatab Pertanian Sarawak	27
Bab	4	Metodologi Kajian	
	4.1	Pengenalan	33
	4.2	Rakabentuk Kajian	33
	4.3	Persampelan Data	34
	4.3.1	Data Primer	34
	4.3.2	Data Sekunder	35
	4.4	Kaedah Persampelen	36
Bab	5	Keputusan data	
	5.1	Pengenalan	38
	5.2	Latar Belakang Responden	
	5.2.1	Jantina	38
	5.2.2	Umur	39
	5.2.3	Status perkahwinan	41
	5.2.4	Pendapatan	42
	5.2.5	Pendidikan	43
	5.2.6	Faktor pendorong	45
	5.2.7	Jenis tanaman	47

BAB I

PENGENALAN KAJIAN.

1.1 Pengenalan

Kajian kami adalah mengkaji keberkesanan pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu (IADP) dan impaknya terhadap sekitar Kota Samarahan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pertanian adalah merupakan satu aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan pembangunan tanah sama ada secara langsung atau tidak langsung, merangkumi bidang tanaman, ternakan dan juga perikanan. Bagi meningkatkan lagi sektor pertanian negara, Kementerian Pertanian telah melancarkan satu program iaitu yang dikenali sebagai Projek Pertanian Bersepadu (IADP).

Pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu (IADP) telah dimulakan pada 26 Julai 1986¹. Kawasan bagi projek-projek pembangunan IADP telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian Samarahan (Daerah Kuching dan Sorian) dan Bahagian Kuching (Daerah Kuching Dan Siburan).

Objektif utama penubuhan IADP Samarahan adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi petani dan kumpulan sasar supaya mereka dapat menikmati taraf hidup yang berkualiti tinggi. Selain itu juga, projek ini bertujuan untuk meningkatkan hasil pengeluaran pertanian para petani menerusi kaedah Pengurusan ladang yang lebih cekap, penggunaan teknologi terkini dan daya produktiviti yang tinggi.

Konsep Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Samarahan tertumpu kepada pemusatan segala usaha perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pertanian

1.3 Kepentingan Kajian

Pertanian merupakan segala aktiviti yang berkaitan³ dengan tanah sama ada secara langsung ataupun tidak. Ini adalah merujuk kepada aktiviti-aktiviti seperti perikanan, tanaman dan ternakan. Dalam usaha meningkatkan aktiviti pertanian ini pihak Kementerian Pertanian telah melancarkan projek IADP.

Tujuan utama kajian yang telah kami jalankan adalah untuk mendapatkan serba sedikit maklumat tentang apakah impak perancangan dan pelaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Samarahan kepada Penduduk sekitar dari aspek sosio-ekonomi dan pembangunan prasarana atau infrastruktur di kawasan terlibat. Selain itu juga, ianya adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh manakah keberkesanan serta kesaksamaan program pembangunan ini dalam membantu serta meringankan beban atau masalah kewangan yang telah mereka alami.

Kajian ini juga amat penting untuk mengetahui apakah jenis projek pembangunan yang telah dirancang serta sesuai diberikan kepada Penduduk terlibat. Ini adalah untuk memastikan agar segala projek atau program yang telah ditawarkan kepada Penduduk bersesuaian dengan kehendak dan keperluan mereka (kumpulan sasar).

Disamping itu juga, kajian ini adalah untuk mengetahui reaksi dan pandangan Penduduk mengenai usaha yang telah dilakukan oleh pihak IADP Samarahan. Ini adalah untuk mengetahui sama ada masyarakat setempat (kumpulan sasar) menyambut baik atau sebaliknya terhadap projek-projek yang telah diberikan atau ditawarkan oleh Kerajaan dalam usaha menjayakan Projek IADP.

BAB 2

KAJIAN LITERATURE

2.1 Pengenalan

Dalam kajian kami ini kajian literature adalah mengenai pandangan dan pemerhatian dari pihak yang terbabit dalam sektor pertanian ini terutamanya. Di mana usaha pembangunan tanah dan khidmat sokongan, ternyata bahawa strategi membuka tanah baru dan program-program in-situ telah berjaya meningkatkan sektor pertanian walaupun terdapat juga masalah-masalah kesesuaian tanah, masalah tenaga kerja dan kenaikan kos input. Antara agensi kerajaan yang telah berjaya adalah FELDA dan FELCRA dan banyak lagi membuka tanah-tanah yang berpotensi. Sehingga tahun 1999,¹ 3.5 juta hektar kawasan tanah telah dimajukan di bawah konsep in-situ dengan projek-projek IADP. Keluasan ini telah memberi faedah seramai 273,900 kelurga tani.

2.2 Definisi Konsep Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP)

Projek Pembangunan Pertanian merupakan program yang mana diwujudkan oleh kerajaan Malaysia sebagai salah satu usaha untuk meninggkatkan taraf hidup dan sosio-ekonomi penduduk luar bandar terutamanya petani-petani supaya boleh menikmati kualiti hidup yang tinggi dan untuk meningkatkan hasil pengeluaran negara dalam sektor pertanian negara. Ia juga sebagai salah satu misi kerajaan di mana untuk menghapuskan masalah kemiskinan yang melanda penduduk luar bandar.

¹<http://www.iadp-moa.com>